

Peranan *MMi Care Association* dalam Pembangunan Keperibadian dan Keprofesionalan Wanita Muda India di Malaysia, 2000-2010

The Role of MMi Care Association in Personality and Professional Development of Young Indian Women in Malaysia, 2000-2010

Syamala Nair Gopal

Institut Pendidikan Guru, Kampus Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: syamalanair.gopal@ipgm.edu.my

Abstrak

Pertubuhan-pertubuhan bantu mandiri wanita muncul sebagai aktor sosial atau sebagai agen yang aktif dalam memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan gender dan hak wanita. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji peranan pertubuhan *MMi Care Association* yang ditubuhkan pada tahun 2003, sebuah pertubuhan bantu mandiri yang ditubuhkan khas untuk membawa perubahan dalam diri serta perwatakan wanita India terutamanya gadis-gadis muda India dalam lingkungan umur 17 hingga 30 tahun. Terdapat beberapa isu yang telah dikenal pasti yang menjadi penghalang kepada wanita muda India mengorak langkah ke hadapan. Isu-isu seperti warna kulit, isu agama dan bahasa, masalah seksual, kehamilan zaman remaja, peningkatan kes perceraian dan ibu tunggal menjadi kekangan kejayaan wanita India di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan yang telah dimainkan oleh *MMi Care Association* dalam pembangunan keperibadian dan keprofesionalan wanita muda India di Malaysia. Kajian ini juga akan menilai keberkesanan program yang telah dijalankan serta menganalisis masalah, kekangan serta cabaran yang telah mereka lalui sepanjang tempoh perancangan dan perlaksanaan inisiatif-inisiatif ini. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif dan sejarah lisan. Pendekatan sejarah lisan digunakan bagi mengutip memori dan pengalaman peribadi mereka yang telah terlibat secara langsung dalam pertubuhan bantu mandiri ini. Dapatan kajian mendapati usaha-usaha yang dilakukan oleh *MMi Care Association* merupakan satu pendekatan jangka panjang ke arah memperkaya budaya dan penampilan moden wanita India kurun ke-21. Pertubuhan ini menggalakkan pembangunan dari aspek keyakinan diri, penghargaan sendiri, kemampuan bersaing, sensitif terhadap budaya dan akhir sekali keinginan untuk membantu wanita muda India yang lain di negara ini.

Kata Kunci: *MMi Care Association*, penindasan, sejarah lisan, keprofesionalan, keperibadian

Abstract

Women's self-help organizations appear as social actors or as active agents in fighting for issues related to gender and women's rights. This article aims to examine the role of the *MMi Care Association*, which was established in 2003, a self-help organization that was established specifically to bring about changes in the personality and character of Indian women, especially young Indian girls between the ages of 17 and 30. There are a number of issues that

have been identified that stand in the way of young Indian women moving forward. Issues such as skin color, religious and language issues, sexual problems, teenage pregnancy, increasing cases of divorce and single mothers become constraints to the success of Indian women in Malaysia. The objective of this study is to examine the role played by MMi Care Association in the development of the personality and professionalism of young Indian women in Malaysia. This study will also evaluate the effectiveness of the programs that have been carried out as well as analyze the problems, constraints and challenges that they have experienced throughout the planning and implementation of these initiatives. The method used in this study is a qualitative approach and oral history. An oral history approach is used to collect the memories and personal experiences of those who have been directly involved in this self-help organization. The findings of the study found that the efforts made by MMi Care Association is a long-term approach towards enriching the culture and modern appearance of 21st century Indian women. This organization promotes the development of self-confidence, self-esteem, competitiveness, cultural sensitivity and finally the desire to help other young Indian women in this country.

Keywords: MMi Care Association, oppression, oral history, professionalism, personality

Pengenalan

Pertandingan ratu cantik sentiasa membawa satu konotasi yang negatif serta pelbagai rintangan kepada mereka yang ingin menyertainya. Lebih-lebih lagi dalam kalangan negara Asia malah di negara kita, Malaysia, pertandingan ini dianggap sebagai satu taboo sehingga ke hari ini. Jikalau dilihat daripada perspektif barat, apabila pertandingan ini diperkenalkan di Amerika Syarikat pada tahun 1921, pertandingan ini telah menerima kecaman yang sangat hebat daripada kumpulan agama dan gerakan feminis wanita yang melabelkan pertandingan ini sebagai tidak senonoh dan menjatuhkan maruah wanita (Cohen 1996). Sebagai tindak balas kepada cemuhan dan kritikan orang ramai, pihak penganjur Pertandingan Ratu Amerika telah cuba untuk mengembalikan penghormatan kepada pertandingan ini. Pelbagai peraturan dikenakan terhadap peserta seperti perintah berkurung, larangan ke tempat-tempat awam sepanjang tempoh pertandingan malah setiap peserta diletakkan di bawah pengawasan seorang agen pada setiap masa (Weiser 1999).

Mulai tahun 1960-an, pertubuhan feminis di barat mula bergerak aktif dengan melakukan pelbagai bentuk demonstrasi bagi meluahkan rasa ketidakpuasan hati mereka terhadap penganjur pertandingan ratu cantik. Mereka menegaskan bahawa semua wanita yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini '*were put on display like cattle for their physical attributes*' (Crawford 2008). Apabila Bangalore, India menjadi tuan rumah pertandingan Miss World pada tahun 1996, satu demonstrasi telah dijalankan sebagai langkah memprotes pertandingan ini. Malah di Nigeria, demonstrasi berubah kepada tindakan keganasan apabila pertandingan ini dijadualkan akan berlangsung pada bulan Ramadan tahun 2002. Hampir 200 nyawa terkorban dan mengakibatkan pertandingan ini terpaksa diubah tempat ke London.¹

Walau bagaimanapun, muncul beberapa kajian yang berupaya untuk menukar tanggapan masyarakat Asia terhadap pandangan serong yang sentiasa dilemparkan kepada para peserta pertandingan sebegini. Satu kajian yang telah dilakukan oleh Judy Tzu Chun Wu pada tahun 1997 berkenaan pertandingan Miss Chinatown di Amerika Syarikat telah membawa satu persepsi yang baharu. Beliau menekankan bahawa pertandingan ini telah menjadi satu ritual dalam kalangan masyarakat Cina di Amerika Syarikat dan dijalankan bagi tujuan asimilasi iaitu satu penampilan kemodenan supaya mereka (imigran Cina) diterima oleh rakyat Amerika Syarikat. Pada masa yang sama mereka menggunakan peluang ini untuk mempamerkan identiti serta mempromosikan nilai dan tradisi budaya masyarakat Cina (Tzu 1997). Pandangan yang

sama telah diutarakan oleh Pamela Thomas yang telah melakukan kajian tentang *Miss India Georgia* pada tahun 1998 (Thomas 1999). Kedua-kedua penulis ini membahaskan bahawa pertandingan seperti ini merupakan satu cara pemeriksaan wanita, mewujudkan satu tanggapan liberal terhadap pencapaian mereka, memberi peluang yang sama serta mewujudkan toleransi dari semua pihak.

Meskipun mendapat cemuhan dan kritikan, maka tidak dapat dinafikan bahawa pertandingan ratu cantik telah berjaya menanamkan sifat keyakinan diri yang tinggi dalam kalangan peserta. Di Malaysia, *Miss Malaysia India Global* (MMi Global) dan seterusnya *MMi Care Association* merupakan pertubuhan bantu mandiri yang ditubuhkan semata-mata untuk membentuk personaliti serta mencungkil bakat terpendam yang selama ini terkubur dalam diri wanita muda berketurunan India. Kewujudan *MMi Global* dan *MMi Care Association* merupakan satu usaha memperkasakan kedudukan wanita India di Semenanjung Malaysia.

Miss Malaysia India Global (MMi Global)

MMi Global dimulakan pada tahun 2000 sebagai satu program pembangunan sosial yang menyasarkan wanita muda berketurunan India (Pushparani 2018). Walaupun pertandingan ini dikenali sebagai satu pertandingan ratu cantik, tetapi pertandingan ini tidak boleh disamakan dengan pertandingan ratu cantik yang lain kerana *MMi Global* adalah merupakan satu program peningkatan peribadi dan keprofesionalan wanita India di Malaysia. Pertandingan ini merupakan satu acara perintis penuh glamor yang bertaraf antarabangsa dan diadakan pada skala besar yang mampu menarik peserta dari seluruh pelosok negara. Matlamat utama pertandingan ini ialah melahirkan para mentor muda yang boleh memberi inspirasi dan menukar kehidupan wanita India di Malaysia.

Jika dilihat daripada aspek sejarah penubuhannya, pada tahun 2000, Pushparani² yang merupakan penganjur utama *MMi Global* pada waktu itu telah berjaya mendapatkan francais daripada pertandingan ratu *India Worldwide* berpusat di New York, Amerika Syarikat bagi menjalankan program ini di Malaysia. Menurut Pushparani, penyertaan terbuka kepada semua wanita kaum India (tidak semestinya Tamil) dalam lingkungan umur 18 hingga 30 tahun tidak kira dari bandar atau luar bandar. Pemenang akan mendapat peluang untuk mewakili Malaysia dalam pertandingan ratu cantik *Miss India Worldwide*.³

Menurut Pushparani, pemikiran konservatif kaum India terhadap pertandingan seperti ini sudah mula berubah sejak tahun 1990-an lagi apabila peserta negara India muncul sebagai juara *Miss World* dan *Miss Universe* pada tahun 1994 dan negara India sendiri telah dipilih sebagai tuan rumah *Miss World* pada tahun 1996 (Oza 2001). Menurutnyanya lagi, pertandingan ini merupakan satu bentuk feminisme yang berupaya menyediakan satu platform berskala besar bagi wanita India menampilkan diri, menerima pengiktirafan, mempamerkan bakat, membangun secara profesional, meningkatkan harga diri serta keyakinan. Dalam pada itu, kemahiran komunikasi serta ketabahan dalam menghadapi kegagalan diterapkan melalui pertandingan ini (Pushparani 2018).

Pertandingan ini juga pernah mendapat pengiktirafan daripada mantan Presiden MIC (Malaysian Indian Congress), Samy Velu pada tahun 2002, yang melihat pertandingan ini sebagai satu peluang keemasan bagi wanita India yang terpilih untuk mempromosikan negara Malaysia di persada dunia dan mempamerkan kebudayaan India kepada dunia luar (The Star 2002). Samy Vellu juga berharap agar para peserta yang terpilih ke peringkat akhir akan meneruskan sumbangan mereka dalam meningkatkan martabat wanita India dan pada masa yang sama bekerjasama untuk mengatasi masalah sosial dan ekonomi yang menyelubungi wanita India pada ketika itu (Tamil Nesan 2000).

Walau bagaimanapun pada tahun 2003, Pushparani telah mengambil keputusan untuk membatalkan francais dengan penganjur *Miss India Worldwide* akibat berlaku beberapa

perubahan dalam kontrak. Pihak penganjur bertindak menukar beberapa peraturan dalam kontrak yang kurang disenangi oleh *MMi Global*. Menurut Pushparani (2018), peraturan-peraturan yang dikenakan agak kurang realistik kerana pertandingan ratu tersebut hanya mementingkan ciri-ciri fizikal dan tidak menumpukan kepada keperluan peningkatan keyakinan diri dalam kalangan peserta. Pusparani (2018) merasakan bahawa adalah lebih sesuai jika wang yang dikumpulkan itu digunakan untuk membantu gadis-gadis India muda di tanah air daripada membelanjakan bagi menampung kos penghantaran peserta untuk bertanding di luar negara. Menurut beliau:

I dropped the international franchise following feedback from Malaysian participants to the international event who felt that the international platform was more a cattle-show than an empowerment pageant. The Malaysian winners felt that we were better off using the money for more personal empowerment workshops for students and girls in Malaysia and as a scholarships. This was further compounded by the increase in franchise fee which was in US Dollars.
(Pushparani 2018)

Beliau bertindak dengan menukarkan objektif pertandingan ini kepada satu pertandingan yang bermotifkan *personel enhancement* dan pemerksaan wanita muda India di Malaysia. Segala wang yang diterima hasil penjualan tiket pertandingan akhir ratu *Miss Malaysia Indian Global* serta derma daripada syarikat-syarikat swasta serta orang perseorangan dikumpulkan di bawah program *Gift Her For Life Fund*.⁴ Mulai tahun 2002, segala inisiatif yang diambil untuk menjayakan program ini telah diletakkan di atas bahu *MMi Care Association*.

MMi Care Association

Pertubuhan bantu mandiri ini telah ditubuhkan pada tahun 2002 oleh Mohanaapriyaa Sina Raja, Divya Nambiar dan Bawani Nesamani bersama beberapa wanita muda berketurunan India yang pernah terlibat secara langsung dalam pertandingan ratu *MMi Global* sejak dari tahun 2000 lagi. Atas tunjuk ajar Pushparani dan keinginan untuk melakukan perubahan bagi wanita India muda di Malaysia secara lebih formal dan teratur, pertubuhan ini menentukan beberapa sasaran, iaitu pemerksaan wanita India muda melalui:

- i. Pemberian penghormatan yang sepatutnya mereka terima serta menerapkan semangat keyakinan diri;
- ii. Mendidik mereka tentang keperluan asas diri yang berkaitan dengan hal-hal kewangan, keluarga dan penjagaan kesihatan;
- iii. Mengenal pasti kebolehan-kebolehan yang sedia ada dalam diri mereka serta mengajar teknik membuat keputusan;
- iv. Membantu mereka dalam mengharungi perubahan sosiobudaya yang selama ini dianggap sebagai penghalang dalam diri mereka;
- v. Memberi sokongan emosi yang berterusan sehingga mereka dapat hidup berdikari.

Misi pertubuhan ini adalah untuk:

- i. Membangunkan dan melaksanakan program penjagaan komuniti dari akar umbi yang mampan melalui perspektif rakan sebaya dan menangani isu-isu sebenar yang menggugat kemajuan wanita India;

- ii. Meningkatkan harga diri khususnya setiap wanita India secara individu dan masyarakat India pada umumnya menerusi penampilan serta kedudukan yang bermaruah;
- iii. Meningkatkan profil, pengiktirafan dan nilai komersial wanita India di Malaysia.

(*A Journey in Community Engagement* 2015)

Keahlian pertubuhan ini terbuka kepada semua peserta *Personal Enhancement Program* (PEP) dan *MMi Global*. Pertubuhan ini terdiri daripada Lembaga Pemegang Amanah dan beberapa ahli eksekutif yang terdiri daripada Presiden, Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Bendahari serta empat orang ahli majlis. Pengekalan ahli adalah atas dasar sukarela, yakni setiap tahun peserta akhir pertandingan ratu *MMi Global* akan menjadi ahli secara automatik dan diwajibkan untuk melibatkan diri secara sukarelawan dalam menjayakan program pemerkasaan yang dijalankan di peringkat sekolah dan kolej. Pada akhir tahun apabila segala program yang dirancang telah selesai dijalankan, maka mereka boleh mengambil keputusan samada untuk terus mengekalkan keahlian atau sebaliknya. Namun begitu, kebanyakan daripada mereka akan kekal bersama pertubuhan ini dan meneruskan khidmat mereka. Setakat tahun 2010, jumlah ahli yang berdaftar adalah seramai 570 orang (Pushparani 2018).

Sebelum meninjau program-program yang dilaksanakan oleh *MMi Care Association* ke arah kemajuan wanita India di Malaysia, adalah wajar untuk melihat faktor di sebalik penubuhan pertubuhan ini. Menurut Presiden pertubuhan ini, Mohanaapriya, jurang sosial dan ekonomi menjadi semakin lebar dalam kalangan masyarakat India selaras dengan perkembangan dalam bidang pendidikan dan keusahawanan selepas era 2000. Pengaruh internet dan media sosial telah mencemari pemikiran golongan muda masyarakat India yang menyebabkan mereka jauh ketinggalan dalam semua aspek malah terpaksa mengharungi masalah krisis identiti. Lebih-lebih lagi, persepsi serta pegangan kuno yang dipraktikkan oleh masyarakat India sejak zaman berzaman turut dianggap sebagai penghalang kepada kemajuan wanita India di Malaysia.

Rata-rata masalah yang telah dikenal pasti ialah wanita India menampilkan imej diri yang kurang popular serta tahap keyakinan diri yang rendah dan tidak memiliki kemahiran yang setimpal dengan kehendak pasaran. Isu-isu seperti warna kulit, isu agama dan bahasa, masalah seksual, kehamilan zaman remaja, peningkatan kes perceraian dan ibu tunggal turut menjadi kekangan kejayaan wanita India di Malaysia. Pada masa yang sama, konotasi negatif yang sentiasa wujud dalam kalangan masyarakat umum serta stereotaip media terhadap masyarakat India umumnya turut dilihat sebagai batu penghalang kepada kemajuan komuniti ini⁵ (Mohanaapriya 2018). Atas dasar inilah, pertubuhan bantu mandiri *MMi Care Association* ditubuhkan bagi memerangi masalah-masalah yang telah dikenal pasti. Beberapa program pemerkasaan telah dirancang dan dijalankan dengan memfokuskan kepada gadis-gadis India yang muda di Semenanjung Malaysia.

Program-program Pemerkasaan Wanita India anjuran *MMi Care Association*

a) ‘from beauty to brain: Pertandingan Ratu Cantik MMi Global (MMi Global Pageant)

Buat pertama kali di Malaysia, satu pertandingan ratu cantik telah dirancang dan dikenali sebagai *Miss Malaysia India Global* yang dikelolakan oleh *Editorial Resources Sendirian Berhad* yang berpusat di Petaling Jaya pada tahun 2000 di bawah program khidmat masyarakat *PROJECT CARE 2000*.⁶ Penaung bagi pertandingan ini ialah Tan Sri V. Jeyaratna.⁷ Pertandingan ini merupakan sebahagian daripada program komuniti yang bertujuan untuk melengkapi wanita muda India di Malaysia dengan kemahiran yang penting untuk pembangunan peribadi dan profesional mereka. Pertandingan ini telah diiktiraf sebagai ‘*a beauty pageant with a difference*’, iaitu dengan mengajar para peserta untuk berfikiran terbuka, berkeyakinan dan berdikari.

Most pageants are profit-driven. MMI GLOBAL is an extensive community development programme and a non-profit exercise. MMI GLOBAL is not only about building self-confidence. It's primary focus is on building the self-esteem of participants and this we believe is best done through active volunteerism.

(Pushparani 2018)

Di samping itu, mereka juga diterapkan dengan nilai-nilai yang asas seperti menghargai hubungan kekeluargaan serta warisan budaya. Pertandingan ini juga menyediakan peluang untuk wanita India di Malaysia bagi menonjolkan potensi serta nilai diri masing-masing dan bukan hanya memendam atas nama tradisi dan budaya. Bagi menghormati adat dan budaya kaum India, pertandingan ini tidak memperagakan peserta dengan pakaian mandi sebaliknya menggantikan segmen ini dengan pertunjukan bakat (The Star 2000).

... this is not a "beauty" pageant. Its aim is to create a culturally competitive and socially evolved breed of Malaysian women of Indian descent to create commercial value for the Indian face (The Malay Mail 2000).

Jasminder Kaur Chahal yang merupakan pemenang tahun 2002 menjelaskan bahawa pertandingan ini tidak memberi fokus yang berlebihan terhadap aspek kecantikan. Aspek yang dinilai lebih kepada cara kecantikan dalaman yang dimiliki seseorang peserta ditonjolkan di luar. Aspek ini menyediakan peserta dengan kebolehan untuk berfikir dan kepetahan bercakap di khalayak ramai tanpa segan silu. Pada masa yang sama pertandingan ini membantu wanita muda India melangkah keluar daripada pegangan adat tradisi dan sedar bahawa mereka juga sama penting dengan wanita dari kaum yang lain (Star Online 2002). Manakala Jayalaxmi Appadorai⁸ yang merupakan pemenang tahun 2000 pula menyatakan bahawa pertandingan ini telah membentuk keperibadian yang menyeluruh dalam diri beliau.

The pageant has groomed me to an extent where a combination of charm, beauty, charisma, confidence, intelligence, intuition and grace have progressed within me (The New Straits Times, 2000).

Niat murni di sebalik pengenalan pertandingan ini adalah untuk membekalkan golongan wanita muda India yang telah dilengkapi dengan pendidikan tetapi menghadapi masalah apabila melangkah ke alam pekerjaan. Menurut Pushparani (2018), walaupun dengan latar belakang pendidikan yang kukuh, wanita muda India tidak memiliki kemahiran untuk berhadapan dengan soalan-soalan mencabar yang dilemparkan semasa sesi temu duga. Sikap kenaifan serta penampilan diri yang kurang menonjol, tahap keyakinan yang rendah serta ketiadaan kemahiran persembahan menjadi penghalang kepada mereka untuk mendapat pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan akademik mereka (Pushparani 2018). Tambah beliau lagi, pertandingan ini boleh dijadikan satu forum dan dasar bagi pembangunan masa depan wanita India di Malaysia.

The pageant was an important forum to foster and highlight the role of Malaysian Indian women in the country. It is also to provide a responsible platform for the future development of the Malaysian girls of Indian descent.

(The New Straits Times 2000)

Oleh yang demikian semua peserta yang mendaftar untuk menyertai pertandingan ini perlu menghadiri satu program peningkatan diri yang dikenali sebagai *Personal Enhancement Program* (PEP) yang telah diadakan sejak tahun 2000.

b) Personal Enhancement Program (PEP)

Program percuma berbentuk khidmat masyarakat ini diadakan sejak tahun 2000 selama sehari yang melibatkan seramai 180 hingga 200 peserta wanita muda India dalam lingkungan umur 16 hingga 30 tahun diwajibkan untuk menyertainya. Program tersebut merupakan suatu bengkel yang dikhaskan untuk wanita India yang pengisiannya meliputi topik-topik seperti keyakinan diri, pengurusan kewangan, pembangunan peribadi, nilai estetik, aspek perundangan dan penjagaan kesihatan diri (Star Online 2018).

The eight hour PEP workshop comprises interactive sessions of public speaking, poise and deportment, make-up skills, dress sense, health and hygiene and interview techniques (The New Straits Time 2001).

Program ini menerapkan garis panduan dalam menyediakan *curriculum vitae* yang efektif, komprehensif dan menarik serta kemahiran yang perlu ada pada diri seseorang apabila menghadiri temu duga. Tenaga pengajar yang terlibat dalam program ini terdiri daripada golongan profesional seperti doktor, pakar terapi psikologi, perunding sumber manusia, pakar etika dan dandan diri. Tenaga pengajar terdiri daripada pelbagai kaum dan tidak semestinya dari kaum India, asalkan sumbangan mereka bersifat sukarela dan tiada sebarang bayaran dikenakan atas perkhidmatan yang diberi.⁹ Pushparani (2018) menegaskan bahawa kos bagi menjalankan program ini adalah pada tahap yang paling minima kerana amat sukar untuk mendapatkan bantuan dana atau sumbangan daripada badan-badan korporat kerana ramai yang tidak faham akan niat sebenar program ini dilakukan.¹⁰ Lebihan dana yang diperolehi hasil penjualan tiket pertandingan akhir tahun-tahun sebelumnya digunakan untuk menampung kos pertandingan pada tahun berikutnya (Pushparani 2018).

Sebagai pengelola dan penganjur program ini, Pushparani (2018) mendapati bahawa dengan berbekalkan keyakinan diri yang tinggi serta persediaan rapi, wanita India yang muda dapat mengharungi cabaran terutamanya apabila menghadiri sesi temu duga. Menurutnya, *‘seven out of ten people do not get the job based on their first interview. Self-esteem coupled with preparedness does the trick’* (Ipoh Echo 2018). Tujuan sebenar program ini diadakan adalah untuk mengubah gadis-gadis muda India kepada individu yang dilengkapi dengan kemahiran serta etika yang diperlukan bagi menghadapi persekitaran sosial dan alam pekerjaan yang semakin mencabar.

Matlamat pihak penganjur adalah untuk memupuk pemikiran secara kritikal dalam kalangan peserta supaya mereka dapat bersedia dari aspek mental dalam menghadapi soalan-soalan yang dilontarkan semasa menghadiri sebarang temu duga.

By organising a Personal Empowerment Pageant, it would be the fastest way to train, reskill (if necessary), stoke and re-seed the minds and spirit of batches of Malaysian Indian girls so that they could assimilate themselves into the Malaysian society properly without inhibitions and fear of irrelevant socio-cultural perceptions and baggage (Pushparani 2018).

Sebaik sahaja selesai menjalani program ini, para peserta yang berminat untuk menyertai pertandingan ini ditapis dan perlu melalui dua tahap penyingkiran. Para peserta akan dinilai berdasarkan tahap ketenangan serta keperibadian mereka dan kebolehan mereka menjawab soalan-soalan yang mudah, kebanyakannya yang berkaitan dengan diri mereka. Di peringkat suku akhir, latihan *Personal Enhancement Program (PEP)* akan menjadi lebih intensif dan kriteria pemilihan ke peringkat seterusnya menjadi lebih sukar. Hanya 26 peserta yang layak ke peringkat separuh akhir (The Sun 2001).

Walau bagaimanapun, mereka yang tersingkir tidak dibiarkan begitu sahaja oleh pihak penganjur. Ramai antara mereka yang sentiasa berhubung dengan Pushparani dan mengambil peranan sebagai sukarelawan bagi membantu perjalanan program-program pada masa hadapan. Di peringkat separuh akhir, para peserta perlu melalui satu program komuniti dan kesedaran alam sekitar atau *Community & Environment Awareness Program (CEA)*.

c) Community & Environment Awareness Program (CEA)

Hasrat program ini adalah bagi membentuk kesedaran berkenaan kepentingan penjagaan alam sekitar serta pembangunan komuniti dan pembentukan peribadi. Program ini telah dijalankan mulai tahun 2003 dan telah memberi impak yang mendalam kepada para peserta. Sehingga tahun 2010, seramai hampir 200 peserta telah mengambil bahagian dalam program ini. Bagi mendapatkan bantuan profesional untuk memberi input yang lebih bermanfaat kepada para peserta, pihak *MMi Care Association* telah menjalankan kolaborasi dengan beberapa agensi korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO – *non-governmental organisation*) serta pusat-pusat pendidikan.

Pada tahun 2003, kerjasama antara *MMi Care Association* dengan *Wetlands International* telah terjalin, manakala pada tahun 2004, kolaborasi mereka berubah kepada *Malaysian Nature Society*. Pada tahun 2005, pihak *World Wide Fund for Nature* atau WWF-Malaysia telah berganding bahu dengan pertubuhan bantu mandiri ini dalam membantu menjayakan program ini. Pada tahun berikutnya, iaitu mulai tahun 2006 sehingga kini pihak *MMi Care Association* menjalin kerjasama dengan Jabatan Akuatik Biologi, Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat, Universiti Sains Malaysia.¹¹ Dua orang pensyarah yang terlibat sebagai fasilitator program ini ialah Profesor Dr. Zulfigar bin Yasin dan Profesor Dato' Dr. Aileen Tan Shau Hwai¹² yang dibantu oleh pelajar-pelajar dari fakulti mereka (Mohanaapriya 2018). Program ini melibatkan aktiviti kem selama empat hari di lokasi-lokasi terpilih yang melibatkan para peserta akan diuji dari aspek daya ketahanan serta persiapan mental.¹³

Pada setiap tahun program ini akan dijalankan berdasarkan tema tertentu. Tema-tema yang dipilih adalah berkaitan dengan alam sekitar seperti *Global Warming*, *Rise of Sea Temperature*, *Earth Without Light* dan *Plastic Pollution*. Beberapa bengkel dan kerja-kerja kumpulan dirancang oleh pihak penganjur. Kerja-kerja kumpulan ini dijalankan bagi menanamkan semangat setia kawan dan menggalakkan semangat berpasukan dalam kalangan peserta. Para peserta didedahkan kepada cara-cara menghargai alam sekitar serta keadaan ekosistem semasa di Malaysia. Mereka juga dibawa ke sekolah-sekolah untuk diberi pengetahuan tentang bahaya penggunaan plastik dan kesannya terhadap alam sekitar supaya pendedahan yang sama dapat diberikan kepada para pelajar sekolah dan peserta juga dikehendaki melakukan persembahan berkumpulan dan perlu menduduki ujian bertulis yang memerlukan para peserta perlu menulis esei yang berkaitan topik komuniti dan kesedaran alam sekitar di akhir program. Penilaian yang diberi bukan hanya berpandukan kepada markah ujian bertulis tetapi para peserta akan dinilai sepanjang program berdasarkan kepada sifat keperibadian, tahap kerjasama dan kepimpinan. Markah maksimum yang diberi kepada peserta adalah sebanyak 30 peratus (Aileen Tan 2018).

Selain itu, para peserta juga menyertai larian amal atau *endurance run* tiga hingga lima kilometer dan pemenang larian ini akan dinobatkan sebagai *Miss Fitness* dalam majlis pertandingan akhir. Markah sebanyak lima peratus diperuntukkan bagi larian ini. Justeru, hanya 13 peserta yang mendapat markah tertinggi daripada markah terkumpul sebanyak 35 peratus akan layak ke peringkat akhir (Mohanaapriya 2018). Menurut Aileen Tan (2018), tujuan di sebalik penganjuran program ini adalah untuk membekalkan pengetahuan berkenaan alam kepada wanita muda India yang kebanyakannya berasal dari kelas pertengahan yang tidak pernah mengambil bahagian dalam sebarang program sebegini. Lebih-lebih lagi, perkara-perkara yang dipelajari oleh mereka daripada program ini dapat membekalkan mereka dengan

pengetahuan dan pandangan yang lebih mendalam tentang sesuatu isu yang berkaitan dengan alam sekitar. Malah semasa pertandingan akhir, dalam segmen soal jawab, soalan-soalan yang dilontarkan kepada peserta pasti ada yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar. Maka pengetahuan yang diperoleh itu dapat digunakan dengan sebaik yang mungkin (Aileen Tan 2018).

d) Gift Mum with Life

Program ini merupakan satu program khidmat masyarakat yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada wanita India tentang bahaya penyakit kanser dan kepentingan melakukan pemeriksaan awal bagi mengelakkannya daripada merebak. Program ini merupakan inisiatif *MMi Care Association* dengan kerjasama Persatuan Kanser Kebangsaan (*National Cancer Society*). Menurut laporan Persatuan Kanser Kebangsaan, wanita India sentiasa mendiamkan diri apabila wujud keperluan bagi melakukan pemeriksaan penyakit ini. Contohnya, pada tahun 2001, daripada 1399 orang wanita yang melakukan ujian *pap smear* hanya 219 (15%) daripada mereka terdiri daripada wanita India.¹⁴

Menurut Pushparani, program ini merupakan rancangan tiga tahun mulai tahun 2003 melibatkan seramai 1500 orang wanita India yang berumur 40 tahun dan ke atas serta berpendapatan kurang daripada RM 1,000 yang menelan kos hampir RM 195,000. Malah melalui acara pertandingan ratu cantik *MMi Global* pada tahun 2003, pihak penganjur berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM50,000 bagi menjayakan program ini.¹⁵

Selain program ini, pengumpulan dana diteruskan dengan menjalankan program-program khidmat masyarakat yang lain. Tindakan ini adalah untuk membawa perubahan kepada wanita India melalui program-program di peringkat kebangsaan. Program ini telah menyentuh kehidupan wanita India dan anak-anak muda India dari seluruh negara melalui pelbagai rancangan yang melibatkan belia India. Dana yang terkumpul ini digunakan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan belia India terutamanya wanita seperti program PEP (di sekolah, kolej dan universiti), pertandingan ratu cantik *MMi Global*, program CEA, program penjagaan kesihatan dan kecergasan, *Teen Eco Camps*, program balik ke sekolah, program pertukaran budaya, biasiswa untuk pelajar universiti serta program berunsurkan perayaan (Pusparani 2018).

Kesimpulan

Di sini dapat disimpulkan bahawa segala program yang telah dilaksanakan oleh pertubuhan ini dapat mengubah persepsi dan tingkah laku para. Perwatakan serta penampilan mereka yang lebih mantap dapat menarik perhatian wanita-wanita India yang lain terutamanya apabila peserta-peserta ini melangkah ke kawasan estet untuk memberi kata-kata semangat kepada wanita-wanita India di sana. Pada permulaan penubuhan pertubuhan bantu mandiri ini, mereka terpaksa mengharungi pelbagai rintangan terutamanya cemuhan dari kalangan masyarakat India sendiri. Mereka juga menghadapi pelbagai kesukaran dari aspek kewangan tetapi atas berkat usaha serta sumbangan orang perseorangan, segala program yang dirancang tetap berjalan lancar.

Jelaslah di sini bahawa kecantikan bukan merupakan kayu pengukur kepada pemilihan peserta ke peringkat akhir. Wanita muda India ini perlu memiliki daya ketahanan yang sangat tinggi serta persiapan mental yang cukup mantap sebelum melangkah ke pertandingan akhir. Usaha-usaha yang dilakukan oleh *MMi Care Association* merupakan satu pendekatan jangka panjang ke arah memperkaya budaya dan penampilan moden wanita India kurun ke-21. Pertubuhan ini menggalakkan pembangunan dari aspek keyakinan diri, penghargaan sendiri, kemampuan bersaing, sensitif terhadap budaya dan akhir sekali keinginan untuk membantu wanita India yang lain.

Penghargaan

Penulis berterima kasih kepada para penilai yang identiti mereka dirahsiakan yang dilantik oleh MJHA atas komen-komen membina bagi menambah baik penulisan manuskrip ini.

Nota

1. Buat pertama kali peserta berkulit hitam dari Nigeria memenangi pertandingan Miss World 2001, telah menyebabkan para pemimpin Nigeria membida untuk menjadikan Nigeria sebagai tuan rumah pertandingan ini pada tahun berikutnya. Harapan mereka adalah supaya pertandingan ini dapat meningkatkan dana dari aspek pelancongan serta menaikkan imej negara. Apabila impian mereka menjadi kenyataan, penentangan bermula dan menimbulkan ketegangan antara pengikut agama Kristian dan Islam. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, "Miss World Woes: The Show Must Go On", dimuat turun dari <http://www.pbs.org/frontlineworld/stories/nigeria/2005.html> pada 8 Mac 2018.
2. Pushparani merupakan peneraju dan penganjur utama MMi Global dan masih memegang tampuk kepimpinan sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan seorang editor salah sebuah akhbar online terkemuka dalam negara. MMi Global merupakan inisiatif beliau dengan bantuan daripada beberapa rakan yang merasakan gadis-gadis keturunan India di Malaysia perlu diberi pendedahan serta keyakinan diri supaya dapat bersaing dengan wanita dari kaum yang lain. Apabila ditanya tentang permulaan niat untuk memulakan inisiatif ini muncul dalam pemikiran, beliau telah menceritakan satu insiden yang beliau tidak dapat lupakan. Apabila beliau dan rakan kongsi, Shanthi Thirucelvan sedang sibuk mencari seseorang untuk memenuhi jawatan setiausaha untuk agensi komunikasi dan percetakan mereka, seorang gadis India kelulusan diploma setiausaha dari sebuah kolej terkemuka telah mengunjungi mereka dan merayu supaya diberi jawatan tersebut dan sanggup diberi RM800 sebagai gaji permulaan. Perkara ini telah menimbulkan satu perasaan sangsi dalam diri beliau malah beliau mendapati gadis ini mempunyai kelulusan yang membolehkannya mendapat pekerjaan di syarikat yang lebih besar dengan gaji yang lebih lumayan. Daripada pemerhatian beliau, gadis ini tidak memiliki keyakinan diri, tidak tahu etika berpakaian, solekan dan dandanan yang kurang sesuai serta gaya pertuturan yang kurang mantap. Beliau bersama rakan kongsi mengambil keputusan untuk tidak memberi jawatan tersebut sebaliknya membantu gadis ini dari aspek memantapkan lagi vitae kurikulum, perwatakan luaran serta memberi tip untuk berjaya dalam temu duga. Selepas beberapa minggu gadis ini telah memaklumkan kepada beliau bahawa dia telah mendapat pekerjaan sebagai setiausaha dan mendapat gaji yang setimpal dengan kelulusannya. Jadi insiden ini telah memberi satu kesedaran kepada beliau bahawa wanita muda India perlu diberi bantuan. Beliau sedar bahawa wanita-wanita ini diselubungi oleh kekangan generasi lampau terutamanya dari aspek *insecurity*. Atas dasar inilah, beliau memulakan pertandingan ini dengan tidak memasukkan perkataan 'beauty' dan hanya menggunakan perkataan 'pageant' kerana pada pendapat beliau matlamat sebenar adalah untuk menerapkan sifat yakin diri, kebolehan sendiri serta mencungkil potensi yang sudah sekian lama terpendam dalam diri mereka. Maklumat diperoleh melalui temu bual bersama Pushparani di Pejabat NCWO pada 24 Januari 2018.
3. Pada tahun 2000, Jayalaxmi Appdurai mewakili Malaysia di pertandingan *Miss India Worldwide* di Tampa, Florida, Amerika Syarikat. Pada tahun 2001, Mohanaapriya Sina Raja mewakili Malaysia dalam pertandingan yang sama di Los Angeles, Amerika Syarikat manakala pada tahun berikutnya, Jasminder Kaur Chahal mewakili Malaysia di Durban, Afrika Selatan. Maklumat diperoleh daripada <http://www.missmalaysiaindianglobal.com>, dimuat turun pada 12 Mac 2018.

4. Di bawah program ini, MMi Care Association telah menjalankan beberapa bengkel *Female Reproductive Health and Self Esteem* untuk gadis-gadis muda India di peringkat sekolah, kolej dan university. Mulai 2006, program ini juga turut menyumbangkan sedikit dana bagi gadis-gadis muda India yang melangkah ke kolej-kolej dan universiti tempatan.
5. Laporan yang diterbitkan dalam majalah *Economist*, pada 22 Februari 2003 yang menyatakan bahawa populasi kaum India di Malaysia pada ketika itu hanya merangkumi sebanyak 8% daripada keseluruhan populasi negara. Malangnya, 63% daripada mereka yang ditangkap di bawah kesalahan jenayah merupakan kaum India, peminta sedekah seramai 41%, pendera kanak-kanak dan isteri sebanyak 40% dan mereka yang terlibat dalam masalah juvana sebanyak 14%. Ramai gadis-gadis muda yang melarikan diri dari rumah untuk bersama teman lelaki yang akhirnya terpaksa menghadapi masalah kehamilan bawah umur, anak luar nikah dan masalah bunuh diri akibat tidak dapat menghadapi tekanan. Sila rujuk *Economist*, 22 Februari 2003.
6. Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga pertandingan ini perlu menjalankan satu program khidmat masyarakat yang ditujukan untuk wanita dan kanak-kanak. Dalam proses ini, pada masa yang sama mereka akan mendapat pendedahan dari aspek penyelidikan, perancangan projek serta pemasaran. Contohnya, pemenang tempat pertama tahun 2001, Mohanaapriya menjalankan program lawatan sambil belajar di UPM bagi pelajar-pelajar SJK(T) Ladang Emerald, Klang bagi memberi pendedahan kehidupan di alam universiti kepada pelajar-pelajar ini. Pemenang tempat kedua, Divya Nambiar menjalankan projek kesihatan dan penjagaan kebersihan wanita di Universiti Malaya manakala pemenang tempat ketiga, Bavani Nesamany telah menganjurkan karnival sukan di SMK Sungai Kertas di Batu Caves. Maklumat diperoleh daripada *New Straits Times*, Julai 10, 2002. Selain daripada itu, ketiga-tiga pemenang ini juga mendapat peluang untuk melakukan lawatan Program Pertukaran Budaya dan Pendidikan ke negara India dan Sri Lanka. Melalui program ini mereka didedahkan kepada pembangunan sosioekonomi wanita di negara-negara tersebut malah mereka dapat membanding kedudukan ekonomi dan sosial wanita India di sana dan mendapati bahawa wanita di sana lebih liberal dari aspek pemikiran dan sangat aktif dalam bidang politik. Maklumat diperoleh dari *New Straits Times*, Ogos 26, 2002.
7. Di bawah naungan beliau, semua keuntungan yang diperoleh daripada pertandingan ini telah didermakan kepada Yayasan Sultan Idris Shah iaitu sebuah yayasan yang ditubuhkan untuk menjaga keperluan mereka yang cacat fizikal dan Kelab Rotary Brickfields yang menganjurkan projek-projek untuk memenuhi keperluan wanita dan kanak-kanak. Segala bantuan ini disalurkan setakat tahun 2003 sahaja. Maklumat diperoleh daripada *The Star*, 9 September 2000.
8. Jayalaxmi Appadorai telah mengharumi nama Malaysia di persada dunia apabila beliau muncul sebagai Naib Juara dalam pertandingan akhir *Miss India World Wide* tahun 2000 di Florida, Amerika Syarikat. Maklumat diperoleh dari akhbar *The New Straits Times*, November 28, 2000.
9. Antara tenaga pengajar yang terlibat Profesor Zulfigar Yasin, Prof Dr Aileen Tan, Mrs E-Luan Lim, Puan Sharifah Intan, Dr Premita Damodaran, Mrs Mohanaapriya SinaRaja, Mrs Sandhya Narayanan, Mrs MelissaAnne Willyboy, Mr Jeevan Sahadevan, ASTRO, PriceWaterHouseCoopers, APUCEN, USM, UPM, Federation of Reproductive Health Associations, Rotary Club dan NCWO.
10. Antara syarikat swasta yang sentiasa memberi kerjasama ialah gedung-gedung pakaian seperti Nalli's, Maya Saree Centre, Greenware Hair Products, Sheraton Subang, Syarikat kosmetik Mary Kay dan Bombay Connection. Maklumat diperoleh dari akhbar *The Sun*, 8 November 2001.

11. Kolaborasi bersama Jabatan Akuatik Biologi, Pusat Pengajian Sains Hayat bermula dengan kemenangan salah seorang pelajar India Muslim sebagai Miss Malaysia India Global pada tahun 2005 dan secara kebetulan beliau merupakan pelajar di bawah bimbingan Profesor Zulfigar Yasin. Tahun 2005 merupakan tahun terakhir seorang gadis India Muslim memenangi pertandingan ini kerana selepas itu, pihak penganjur hanya menerima penyertaan wanita India Muslim dan melayakkan mereka sehingga peringkat separuh akhir sahaja. Hal ini disebabkan oleh sebab fatwa yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM yang menganggap pertandingan ini sebagai 'haram' dari sudut pandangan agama Islam. Malah pertandingan setakat separuh akhir hanya melibatkan program perkembangan sendiri dan tidak melibatkan sebarang pertunjukan di atas pentas. Maklumat diperoleh daripada temu bual dengan Pn Pusparani di pejabat NCWO pada 29 Januari 2018.
12. Profesor Dato' Dr Aileen Tan Shau Hwai merupakan seorang pakar biologi marin di Pusat Pengajian Sains Hayat serta Pengarah *Centre for Marine & Coastal Studies* (CEMACS) USM dan *Asia Pacific University Community Engagement Network* (APUCEN). Beliau juga merupakan salah seorang pemegang amanah MMi Care Association. Beliau merupakan salah seorang fasilitator bagi program CEA, anjuran MMi Care Association.
13. Pada permulaannya, kem ini dijalankan selama empat hari tiga malam di lokasi-lokasi terpilih seperti Pulau Langkawi dan CEMACS. Selepas beberapa tahun bilangan hari terpaksa dikurangkan kepada tiga hari dua malam akibat kekurangan sumber kewangan dan para peserta yang sedang bekerja tidak dapat mengambil cuti yang panjang untuk menghadiri kem ini. Jadi bagi mengatasi masalah ini, pihak penganjur sentiasa mencari jalan untuk mengadakan kem ini pada hari minggu atau cuti umum. Maklumat diperoleh melalui temu bual bersama Profesor Aileen Tan di Pusat Pengajian Sains Hayat, USM pada 2 April 2018.
14. Sempena Hari Ibu, 100 orang wanita India telah diberi peluang untuk mendapat pemeriksaan awal bagi pengesanan awal penyakit ini. Program ini juga mendapat penajaan bersama Klinik Healthcare and Surgeri, Wanita MIC bahagian Bukit Bintang dan Bandar Tun Razak. Antara pemeriksaan yang dijalankan merangkumi mamogram, ujian *pap smear*, pemeriksaan payudara dan jika perlu, ultrasound juga akan dijalankan. *The Star*, Mei 12, 2003.
15. Para finalis pertandingan tahun 2003 juga telah diberikan pendedahan tentang kemudaran penyakit ini di Pusat Rawatan Kanser, Hospital Tung Shin, Kuala Lumpur. Melalui pendedahan ini, pihak penganjur mengharapkan agar wanita-wanita muda ini akan memainkan peranan mereka dalam memberi kesedaran kepada wanita India yang lain. Maklumat diperoleh daripada *The News Straits Times* September 25, 2003.

Rujukan

- "20 Finalist Enters Pageant". *The Star Online* 3 Oktober 2002. dimuat turun daripada www.thestar.com.my pada 20 Mac 2018.
- "A Journey in Community Engagement", profil MMi Care Association, 2015.
- "Beauty Queen: Even kampung folk can look good". *The Star Online*, 17 Jun 2008. Dimuat turun daripada www.thestar.com.my pada 20 Mac 2018.
- Coleen B. Cohen. Richard Wilk and Beverly Stoeltje. 1996. *Beauty Queens on the Global Stage: Gender, Contest and Power*. New York: Routledge.
- Economist*, 22 Februari 2003.
- <http://www.missmalaysiaindianglobal.com>, dimuat turun pada 12 Mac 2018.

Ipoh Echo, Issue no 53, Julai 1-15 2008.

Judy Tzu Chun Wu. 1997. "Loveliest daughter of our ancient Cathay!" Representation of ethnic and gender identity in the Miss Chinatown USA beauty pageant'. *Journal of Social History*: 5-31.

"Cancer screening gift for 100 mothers", Malay Mail, November 30, 2000.

Mary Crawford. et all. 2008. Globalizing Beauty: Attitudes towards beauty pageants among Nepali women', *Feminism & Psychology* (18):1-26.

Miss World Woes: The Show Must Go On". dimuat turun dari <http://www.pbs.org/frontlineworld/stories/nigeria/2005.html> pada 8 Mac 2018.

"Finalists urged to help poor children", New Straits Times, Oktober 4, 2000.

"Miss Malaysia-India pageant final", New Straits Times, Oktober 21, 2000.

"Malaysian beauty a close second", New Straits Times, November 28, 2000.

"Free workshop for beauty pageant contestants", New Straits Times, Jun 12, 2001.

"Enhancement programme a stepping stone to success", New Straits Times, Ogos 26, 2002

"Indian beauties learn from the other side", News Straits Times September 25, 2003.

Pamela Thomas. 1999. "Of beauty pageant and Barbie: Theorizing consumption of Asian American transnational feminism', *Genders* (29): 1-28.

Rupal Oza. 2001. "Showcasing India: Gender, Geography and Globalization", *Signs: Journal of Women in culture and society*. (26):1067-1095.

Sarah Benet-Weiser. 1999. *The Most Beautiful Girl in the World: Beauty Pageants and National Identity*. California: University of California Press.

"Malaysia to take part in US beauty contest", Star, Ogos 14, 2000.

"Beauties bring cheer to Anna", Star, September 9, 2000

"Local pageant sets example", Star, Februari 2, 2002.

"Helping poor women with cancer", Star, September 17, 2003

"Local lass does Malaysia proud", Sun, November 8, 2001.

"Malaysiya Alagiye Vetri Pera Vendum", Tamil Nesan, Oktober 4, 2000.

Temu bual lisan bersama Mohanaapriyaa Sina Raja (Preseden MMi Care Association) di pejabat NCWO No 46, Jalan Dato Abdul Aziz, Seksyen 14, 46100, Petaling Jaya, Selangor pada 29 Mac 2018.

Temu bual lisan bersama Professor Aileen Tan (Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Marin Biologi, USM) di Pusat Pengajian Sains Hayat, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 2 April 2018.

Temu bual lisan bersama Pushparani (Pengerusi MMi Global merangkap Penasihat MMi Care Association) di Pejabat NCWO No 46, Jalan Dato Abdul Aziz, Seksyen 14, 46100 pada 24 Januari 2018.